

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

PLG 324 - Sosiologi Pendidikan I

Masa : [2 jam]

---

ARAHAN : Jawab TIGA soalan sahaja.

SOALAN NO. 1

PETIKAN:

"... Sekolah berfungsi untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berjaya dan bertingkah laku mulia. Seluruh budaya sekolah dikuasai oleh orientasi akademik, sehingga pelajar-pelajar digolongkan kepada dua kategori: akademik dan bukan akademik".

T. MARIMUTHU, 1990  
Pengenalan Sosiologi Pendidikan

Bincangkan kenyataan di atas dan nyatakan fungsi-fungsi sekolah yang lain.

[100 markah]

....2/-

**SOALAN NO. 2**

**PETIKAN:**

"... sesungguhnya kontroversi yang penting mengenai perkembangan pendidikan dalam masyarakat moden adalah berkaitan dengan kesan-kesan persekolahan. ... sekolah dianggar sebagai satu-satunya agen yang dapat mengujudkan masyarakat adil ...".

C.J. JURN, 1985  
The Limits and Possibilities of Schooling

Dengan menggunakan pendekatan funsional dan pendekatan konflik (radikal), bincangkan kenyataan di atas.

[100 markah]

**SOALAN NO. 3**

**PETIKAN:**

"... hubungan antara pendidikan, pencapaian, pekerjaan, dan pendapatan adalah sangat rapat ... permintaan untuk memperolehi kelulusan tinggi dan bidang yang khusus semakin bertambah kerana dilihat sebagai satu cara untuk menjamin kehidupan yang lebih baik ...".

T. MARIMUTHU, 1990  
Pengenalan Sosiologi Pendidikan

Bincangkan kenyataan di atas, dan berikan contoh-contoh penjelasan yang sesuai.

[100 markah]

....3/-

SOALAN NO. 4

PETIKAN:

"... bahawa latar belakang budaya ibubapa pelajar merupakan satu faktor yang amat penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar ... pengaruh kelas sosial memainkan peranan besar dalam hal ini.

ANISWORTH & BATTERN, 1974  
The Effect of Environment on Secondary Educational Achievement

Apakah pandangan anda mengenai petikan tersebut. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian dalam pendidikan.

[100 markah]

SOALAN NO. 5

PETIKAN:

"... Saya belum pernah melihat sekolah yang popular (efektif) mempunyai kepemimpinan yang lemah, dan sekolah yang kurang berjaya (lemah) dengan kepemimpinan yang baik. Saya pernah melihat sekolah-sekolah yang lemah menjadi sekolah-sekolah yang berjaya, apabila mendapat kepemimpinan yang baik dan sekolah-sekolah yang berjaya menjadi lemah apabila kepemimpinan bertukar daripada yang berjaya kepada yang lemah".

F.M. HECHINGER, 1981  
Effective Principal, Effective School

Adakah anda bersetuju dengan kenyataan ini. Mengapa? Bagaimanakah kepimpinan yang berkesan dalam mengatasi masalah sekolah.

[100 markah]